

**Sekolah Kejuruteraan Mekanikal  
Fakulti Kejuruteraan  
Universiti Teknologi Malaysia**

---

**Garis Panduan Pengecualian Kredit Bagi Kursus Latihan Industri  
Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal)  
Program Separuh Masa *UTMSPACE***

Garis panduan ini disediakan untuk membantu pelajar memohon pengecualian kredit bagi kursus Latihan Industri (**SKMM3915/SME3915**) bagi memenuhi keperluan akreditasi dari pihak Engineering Accreditation Council (EAC).

### **1.0 Pengenalan**

Semua pelajar program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal - Separuh Masa diwajibkan untuk menjalankan Latihan Industri (LI) bagi tempoh yang ditetapkan. Latihan ini merupakan satu kursus yang memberi pendedahan kepada dunia kerja agar pelajar dapat menghubung kaitkan apa yang dipelajari secara teori dengan realiti sebenar dan lebih bersedia dengan suasana kerja yang bakal mereka ceburi.

Walaubagaimana pun pelajar pengajian separuh masa boleh memohon pengecualian kredit bagi kursus LI dengan syarat:

- i) telah mengambil semua kursus pra-syarat bagi kursus Latihan Industri dan mendapat minimum gred D-  
**DAN;**
- ii) mempunyai pengalaman pekerjaan yang berkaitan dengan bidang pengajian sekurang-kurangnya SATU (1) tahun dan menyediakan laporan pekerjaan mengikut format dalam Perkara 3.0  
**DAN;**
- iii) telah mendapat sekurang-kurangnya sebanyak 80 kredit kira  
**ATAU**
- iv) telah menjalani LI/LP dalam bidang yang berkaitan dan setara dalam tempoh masa sekurang-kurangnya 12 minggu dalam program IPT yang diiktiraf dan menyediakan laporan latihan mengikut format dalam Perkara 3.0

### **2.0 Penilaian**

Laporan LI terdiri daripada dua bahagian iaitu maklumat lengkap latihan menggunakan Borang SP-SKM-BLI-01V2 dan Laporan Formal Latihan Industri (LFLI). Penilaian pengecualian kredit untuk kursus LI adalah berdasarkan kepada maklumat lengkap latihan (Borang SP- SKM-BLI-01V2) dan juga LFLI seperti yang dinyatakan dalam Perkara 2.1.

## 2.1 Laporan Latihan

- 2.1.1 Pelajar dikehendaki melengkapkan borang SP-SKM-BLI-01V2 dengan menyatakan pengalaman kerja yang diperolehi dalam satu organisasi atau gabungan pengalaman di beberapa organisasi. Borang ini perlu disahkan oleh penyelia organisasi di mana pengalaman kerja diperolehi.
- 2.1.2 Pelajar perlu menyediakan (i) **Laporan Formal Latihan Industri** (LFLI) menggunakan format Tesis UTM (UTM Thesis Manual 2018) tidak melebihi 50 muka surat (tidak termasuk rujukan dan lampiran). LFLI boleh ditulis sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dan mestilah dihantar bersama-sama dengan (ii) **Borang Senarai Semak LI-CEV08**, (iii) **Borang SP-SKM-BLI-01V2** (Maklumat Pengalaman Kerja) dan (iv) **Borang UTM.E/3-8 (PPSM-SPA-PKK-006)** (Borang Perpindahan Kredit Mata Pelajaran) semasa membuat permohonan pengecualain kredit LI.

## 3.0 Format dan kandungan Laporan Formal Latihan Industri (LFLI)

Laporan Formal Latihan Industri perlu ditaip dalam kertas putih A4, font Times New Roman, bersaiz 12 dan jarak 1.5.

Kandungan laporan adalah seperti berikut:

- Abstract – provide a brief description of the organization and the work experience gained.
- Table of Contents – titles, sub-titles and page numbers
- Objective, Scope and Summary of Activities.
- Company/Organization Background – brief and concise description of the organization where the industrial experience has been obtained. It should cover: the history, ownership; place in industrial scene; product range; capital investment; profit and management organization.
- Experience Gained – description of industrial work experience gained. Limit body of report to 15 – 20 pages long.
  - (i) Projects carried out – give details of engineering-based projects where the student has direct involvement and state the duration.
  - (ii) Describe the problems encountered
  - (iii) Describe the problems that have been solved
  - (iv) Describe the recommendations that can improve the project
- Conclusion – state the benefits gained from the industrial experience, from technical and social point of views.
- References – include any references that have been made.
- Appendix – include materials that can support the main text of the report, such as technical drawings, photographs, etc

- Miscellaneous.
  - (i) Figures and tables should be captioned and labeled, and mentioned in the report.
  - (ii) List of notations and symbols used is provided if used in the report.

Note: The formal report (LFLI) should be properly bound and the cover page format is shown in page 3.



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**Faculty of  
Mechanical  
Engineering**

## **INDUSTRIAL TRAINING REPORT**

Name : .....

Matric No : .....

Name of Company : .....

Session/Semester : .....

#### **4.0 Maklumat penting penghantaran laporan latihan industri**

- 4.1** Tempoh sah pengecualian kredit LI ialah selewat-lewatnya sebelum minggu ke 8 selepas bermulanya semester lazim
- 4.2** Pengecualian kredit semasa semester pendek adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali
- 4.3** Permohonan pengecualian kredit **wajib** dilakukan sebelum tiga (3) semester akhir pelajar akan tamat pengajian. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pelajar tidak akan dibenarkan graduan
- 4.4** Semua dokumen-dokumen
  - i) Laporan Formal Latihan Industri (LFLI),
  - ii) Borang Senarai Semak LI-CEV08 (lengkap diisi),
  - iii) Borang SP-SKM-BLI-01V2 (lengkap diisi), dan
  - iv) Borang PPSM- SPA-PKK-006 (lengkap diisi dalam tiga (3) salinan)yang telah dilengkappan perlulah dihantar secara courier ke alamat seperti berikut:-

**PENGURUS AKADEMIK PROGRAM LUAR (SPACE)**

DR. NATRAH BINTI KAMARUZAMAN  
BLOK E07, PEJABAT PENTADBIRAN  
SEKOLAH KEJURUTERAAN MEKANIKAL  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
81310, SKUDAI, JOHOR